

20/12/1997

Tokoh agama perkuat Umno Kelantan

Hussain Mohamed

APA yang menarik dalam Umno Kelantan kebelakangan ini ialah seperti yang ditulis oleh Datuk Dasuki Ahmad: 'Pas sudah hendak kalah, tetapi BN tidak mahu menang' (BH Khamis, 11 Disember 1997). Sebagai seorang aktivis Umno yang lama dalam parti, Dasuki barangkali mempunyai pengamatannya sendiri mengenai hal itu.

Sebagai orang lama dan sudah tidak lagi aktif dalam Yayasan Dakwah (Yadim) sekarang, adalah dirasakan pengamatan beliau itu juga tidak lebih pengamatan seorang pesara yang bertujuan, dalam label yang dipakainya sendiri untuk memenuhi 'zaman lepas pencen'.

Perspektif politik lepas pencen yang beliau gunakan itu boleh dikira sesuatu yang penuh prasangka. Ini kerana begitu ramai tokoh lama dan yang sedemikian status sosialnya masih lagi membarisi kepemimpinan dan ketokohan Umno sendiri hari ini, sama ada di peringkat kebangsaan mahupun peringkat lebih bawah.

Oleh yang demikian, adalah malang sebenarnya untuk membangkitkan isu seperti itu. Yang terkena adalah batang hidung sendiri termasuk Dasuki sendiri yang barang kali apabila bercakap demikian sesungguhnya sebagai suatu pelaburan politik tertentu yang hanya beliau sendiri mampu membayangkan laba dan dividennya kelak.

Sebagai pemerhati, seimbis lalu saya memang merasakan benarlah kesimpulan mudah yang cuba digambarkan Dasuki, sungguhpun Pas akan kalah, tetapi Umno/Barisan Nasional (BN) tidak pula mahu menang di Kelantan itu.

Dasuki berpendapat oleh kerana bekas rakan kongsi politik Pas iaitu Parti Semangat 46 sudah rujuk kembali kepada Umno Oktober lalu, kekuatan dan pengaruh Pas sudah semakin merosot dan hanya menunggu masa untuk ditewaskan.

Andaian dan alasan itu barangkali ada benarnya. Namun tidak harus dianggap semudah itu. Barangkali dengan bergerak sendirian, Pas lebih merasakan kekuatan dan pengaruh sebenarnya kembali pulih.

Tetapi yang dikira lebih penting ialah kenapa Umno/BN tidak mahu menang? Kenapa Umno/BN gagal menanggung di air yang sudah jelas keruhnya itu? Kenapa Umno/BN seolah-olah sejak awal lagi sudah dikatakan 'menyerah kalah' dan beranggapan 'tidak mahu menang juga' itu?

Rekod Umno Kelantan sejak satu dekad lalu sebenarnya masih memperlihatkan perpecahan dalam ketewasan dan bukan sebaliknya iaitu ketewasan itu boleh mendorong perpaduan yang lebih kental bagi menghadapi musuh politik yang sama.

Malah lebih daripada itu, sebilangan aktivis dan tokoh Umno di Kelantan merasakan bahawa kepemimpinan yang ada sekarang adalah yang sebenarnya menjadi 'halangan' atau 'bottleneck' kepada perpaduan dan kemaraan pengaruh parti berkenaan.

Hal itu dilihat dari segi kejayaan Umno/BN pada pilihan raya kecil Semerak beberapa bulan lalu apabila pemimpin Umno Kelantan, Datuk Annuar Musa tidak menjadi pengarah pilihan raya berkenaan. Nampaknya strategi ini mula disenangi dan dapat diterima rakyat Kelantan yang memang terkenal dengan keberanian menanggung risiko dan mengubah selera politik.

Sedangkan ketika beliau menjadi pengarah pilihan raya kecil Pulau Chondong pada awal tahun ini, kawasan yang sekian lama dimaklumi kubu Umno berjaya direbut calon Pas.

Kes Pulau Chondong itu hanyalah salah satu daripada kes pilihan raya kecil sejak 1990. Kalau diimbis kembali pada pilihan raya kecil seperti di

Sungai Pinang dan di Limbongan, prestasi Umno di bawah pengarahannya dalam pilihan raya kecil berkenaan lebih menyedihkan.

Kedudukan pahlawan Brutus pada Ceasar Umno Kelantan itu juga sebenarnya cukup tersepit dan menjadi bebanan oleh kerana kembalinya Semangat 46 ke dalam Umno. Ramai pemimpin Umno di Kelantan merasakan hal ini berlaku oleh kerana cakap-cakapnya dulu yang 'lebih sayangkan Umno/Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad daripada Umno Kelantan/Tengku Razaleigh'.

Cakap beliau itu diluahkan pada Perhimpunan Agung Umno 1988 itu masih sentiasa dikaitkan dengannya.

Ramai bekas tokoh 46 berkeyakinan kembalinya mereka ke pangkuan Umno bukanlah kerana mereka sayangkan Timbalan Ketua Perhubungan Umno itu, tetapi kerana sayangkan perjuangan Melayu dan Umno itu.

Ramai daripada mereka juga maklum pihak istana juga diketahui tidak menyenangnya berdasarkan episod Tengku Ibrahim dan tuntutan takhta Kelantan yang berlaku pada 1992/1993 lalu.

Dakwaan wujudnya perpecahan dalam Umno sekiranya tokoh seperti Datuk Zainal Abidin Abd Kadir ikut bertanding dan merebut jawatan dalam parti juga adalah sesuatu yang bersifat spekulasi semata-mata.

Demikian juga ramai tokoh Umno Kelantan dewasa ini memahami Annuar juga sudah tidak lagi mendapat tempat pada pucuk pimpinan parti selepas melanggar nasihat untuk tidak bertanding merebut jawatan Ketua Pergerakan Pemuda Umno pada pemilihan 1996.

Jika tidak, selaku Timbalan Ketua Perhubungan Umno Negeri dan Pengerusi BN Kelantan sepatutnya sudah lama dilantik menganggotai Majlis Tertinggi Umno. Sedangkan yang dilantik ialah Zainal yang juga diberi tugas selaku Ketua Penerangan Umno Kelantan.

Dalam pada itu, kehadiran seorang tokoh agama seperti Zainal dalam politik Kelantan jelas tidak bertujuan menutup bayang tokoh keagamaan seperti Dasuki sendiri; bahkan misi penting kehadiran tokoh begini adalah untuk menambah kekuatan dan pengaruh Umno dalam menghadapi pengaruh agama pemimpin Pas.

Kehadiran tokoh keagamaan ini sepatutnya difahami sebagai suatu agenda pucuk pimpinan di peringkat kebangsaan bagi memberi nafas baru dalam pimpinan Umno Kelantan sendiri.

Ramai tokoh dan pemimpin Umno di peringkat bawahan merasakan penghantaran kembali seorang pegawai tinggi Pusat Islam seperti Zainal adalah sama penting tujuan dan maksudnya seperti penghantaran pulang Tan Sri Sanusi Junid di Kedah misalnya iaitu untuk mengukuhkan Umno dan memberikan pilihan yang lebih baik bagi menghadapi pengaruh parti saingan.

Saya percaya Dasuki sendiri amat mudah untuk memahami mesej dan misi yang dilakukan oleh pucuk pimpinan Umno peringkat kebangsaan. Mesej itu juga penting difahami kerana Zainal juga dilantik menganggotai Majlis Tertinggi Umno.

Tetapi oleh kerana dia merasakan terumbang-ambing untuk mempertahankan kedudukannya dalam kepemimpinan Umno Pasir Mas nanti, beliau nampaknya merasakan perlunya dialihkan perhatian sehingga mendakwa yang menang atau yang kalah dalam perebutan jawatan itu sama saja nasibnya akan jadi arang dan jadi abu saja.

Sebenarnya semua pihak akan menerima nasib menjadi arang dan abu oleh kerana prasangka buruk yang sengaja dipupuk dan dipropagandakan akan betapa tidak perlunya dilakukan sesuatu pembedahan dan rombakan dalam kepemimpinan Umno Kelantan.